

# 'Saya sudah isytihar harta, Tun M belum'

Dr Mahathir didakwa sengaja nafi dakwaan miliki kekayaan berbilion ringgit

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyambut cabaran bekas mentornya, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang menggesanya mengisytiharkan harta dimiliki sepanjang menjadi Timbalan Perdana Menteri, di antara 1993 hingga 1998.

Perdana Menteri menegaskan, beliau sememangnya sudah pun mengisytiharkan harta secara terbuka dan maklumat itu diketahui umum, berbanding Dr Mahathir, yang didakwa belum pernah berbuat demikian.

Malah, Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu menyifatkan Dr

Mahathir cuba menegakkan benang basah apabila menidakkan dakwaan memiliki harta mencecah berbilion ringgit, sedangkan kata Perdana Menteri, kekayaan itu hakikatnya 'diketahui semua orang'.

"Saya tiada masalah (untuk isytihar harta). Saya antara orang yang isytiharkan harta. Yang tidak (isytihar) dia (Dr Mahathir).

"Baru-baru ini (menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15) pun saya isytihar RM11 juta, iaitu harga rumah di Segambut, itu bukan rahsia, itu diketahui umum," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Aidilfitri Malaysia MADANI di Dataran Merdeka, di sini semalam.

Isnin lalu, Dr Mahathir memulangkan paku buah keras apabila mencabar kembali Anwar untuk mendedahkan kekayaan dimilikinya ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Cabaran itu menyusul sehari selepas Anwar mengulangi gesaan dan cabarannya supaya bekas Perdana Menteri sebanyak dua kali itu mendedahkan segala aset



Anwar beramah mesra bersama orang ramai ketika hadir pada Program Aidilfitri Malaysia MADANI di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

yang dimilikinya, selain anggota keluarga.

Menjawab cabaran Anwar, Dr Mahathir berpandangan, beliau tidak perlu melayan permintaan itu atas alasan Presiden PKR itu kononnya sudah memiliki 'berkotak' dokumen mengandungi maklumat berkenaan kekayaan beliau.

## Tindakan menghairahkan

Beliau juga menyifatkan cabaran Anwar terhadapnya serta pemimpin terdahulu sebagai 'menghairankan' berikutan Perdana Menteri kononnya sudah memiliki bukti mengenai kekayaan mereka, malah Anwar sendiri antara pemimpin lama yang pernah dituduh membantu kroni.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mencabar bekas protegenya itu untuk turut mengisytiharkan harta yang diperolehnya ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, di antara 1993 hingga 1998.

Untuk rekod, Anwar pernah mengisytiharkan harta pada No-

vember tahun lalu bagi memenuhi syarat diputuskan PKR untuk semua calon Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) daripada parti itu.

Ketika itu, Anwar mengisytiharkan aset bersih berjumlah RM11,178,667.80 setakat 31 Oktober tahun lalu, antara lain merangkumi aset hartanah dan kediaman bernilai RM10,350,000.

Ia membabitkan milikan tanah di Segambut Dalam, dekat sini; Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang; Mukim Bentong, Pahang dan Mukim Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Presiden PKR itu turut mengisytiharkan aset tunai dan simpanan berjumlah RM828,667.83 serta pendapatan bulannya sebagai Ahli Parlimen Port Dickson ketika itu sebanyak RM21,755.80.

Mengulas cabaran supaya 'bukti berkotak-kotak' mengenai kekayaan Dr Mahathir didedahkan, Anwar menegaskan, perkara itu sememangnya diketahui umum

berdasarkan kepelbagaian harta dan aset dimiliki anak bekas Perdana Menteri itu.

"(Bukti) ada, dah ada. Kalau anak (Dr Mahathir) ada pesawat, kapal, syarikat (bernilai) berbilion-bilion, bukti apa lagi? Semua orang tahu.

"Ini menegakkan benang basah. Benang basah jika nak tegak, dia jatuh," katanya.

Awal bulan ini, Dr Mahathir mengemukakan saman fitnah terhadap Anwar dengan menuntut ganti rugi RM150 juta berhubung ucapan Perdana Menteri itu di Kongres Nasional Khas Malaysia MADANI: 'Pelaksanaan Sebuah Idealisme', pada Mac lalu.

Dr Mahathir mendakwa, kenyataan Anwar dalam ucapannya pada kongres itu membawa maksud beliau membolot harta untuk keluarga dan kehilangan harta, aset atau saham orang Melayu adalah berkait dengan harta, aset atau saham milik keluarganya.